

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaiian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pelan kemalangan diri **RAHMAH PA INSURANS**. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda harus membacanya juga.



Tarikh: 01/06/2026

1 Apakah itu RAHMAH PA INSURANS?

RAHMAH PA INSURANS ialah pelan kemalangan diri yang memberi pampasan kematian akibat kemalangan, hilang upaya kekal akibat kemalangan dan elaun pengebumian.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Untuk tempoh perlindungan setahun, anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

Seksyen	Manfaat	Jumlah Manfaat (RM) Setiap Orang	
		Pelan 1	Pelan 2
Seksyen 1	Kematian Akibat Kemalangan	80,000	40,000
Seksyen 2	Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan	80,000	40,000
Seksyen 3	Elaun Pengebumian	1,000	1,000

Nota:

1. Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
2. Tempoh perlindungan insurans adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi setiap tahun.
3. Agregat semua peratusan yang perlu dibayar di bawah Seksyen 1 dan Seksyen 2 berkenaan dengan setiap orang, setiap kemalangan atau setiap tahun polisi tidak boleh melebihi RM80,000 (Pelan 1) atau RM40,000 (Pelan 2) daripada jumlah diinsuranskan. Sekiranya kami telah membayar sejumlah RM80,000 (Pelan 1) atau RM40,000 (Pelan 2), perlindungan di bawah polisi akan ditamatkan.
4. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Polisi anda tidak melindungi:

1. Penyakit berjangkit atau penyakit mudah jangkit;
2. Keadaan sedia ada;
3. Di bawah pengaruh alkohol atau dadah;
4. Mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau percubaan membunuh diri;
5. Mengambil bahagian dalam sukan dan aktiviti berbahaya; atau
6. Sebarang tindakan perang, mogok, rusuhan atau kekecohan awam, kontaminasi radioaktif atau nuklear dan tindakan penganas.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk insurans kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di 1-300-13-8888
(Etiqa Online)



Layari <https://www.etiqa.com.my/kemalangan-diri>



Email kepada
info@etiqa.com.my



Imbas kod QR

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk RAHMAH PA INSURANS, jumlah premium yang perlu dibayar adalah berbeza berdasarkan pelan yang dipilih. Anda harus membayar premium sebanyak:

Jenis Pelan	Pelan 1	Pelan 2
Premium Asas	RM 75.36	RM45.28
(-) Diskaun Kepada Pelanggan	25% daripada premium asas atau RM 18.84	25% daripada premium asas atau RM 11.32
Jumlah Premium	RM 56.52	RM33.96

Anda juga harus membayar fi and caj berikut:

Cukai Perkhidmatan	8% daripada jumlah premium atau RM 4.52	8% daripada jumlah premium atau RM 2.72
Duti Setem	RM 10.00	RM10.00
Jumlah Premium Kena Bayar	RM 71.04	RM 46.68

Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran.

4 Syarat Utama Lain

1. Anda harus memberikan maklumat tepat dan cukup di dalam borang permohonan. Anda harus mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi.
2. Perlindungan insurans hanya berkuat kuasa apabila anda telah membayar premium (Bayaran Sebelum Perlindungan).
3. Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada kami secepat mungkin tidak melebihi 30 hari selepas kejadian yang melayakkan anda untuk membuat tuntutan ke atas polisi. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Semasa pembatalan, anda akan menerima bayaran balik sebahagian premium dengan syarat anda tidak pernah membuat tuntutan semasa tempoh insurans.

Perakuan Pelanggan

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda faham tujuan anda meletakkan tandatangan anda.

- ☐ Saya mengakui bahawa Etiqa General Insurance Berhad telah memberikan saya salinan PDS.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam PDS.

*Perakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian mengenai terma dan syarat produk.

Nama:

Tarikh: